

KOLEKSI CERPEN
PILIHAN
PELITA BRUNEI
2017

Terbitan

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

Hak Cipta

Jabatan Penerangan

Penyelaras

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Kompilasi/Susunan

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak

Ramlah binti Md. Noor

Ilustrasi

Gambar hiasan digunakan di Pelita Brunei

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar

Hairun Nadhir bin Ismail

Hak cipta terpelihara. 'Koleksi Cerpen Pilihan' merupakan koleksi cerpen yang diterbitkan di dalam Pelita Brunei edisi Januari - Disember 2017.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

KATA ALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, Koleksi Cerpen Pilihan Pelita Brunei dapat diusahakan penerbitannya. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam koleksi ini adalah hasil karya yang telah dikeluarkan dalam akhbar Pelita Brunei di sepanjang 2017.

Penerbitan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk menghargai sumbangan penulis kepada perkembangan kesusasteraan tanah air khususnya mereka yang menyumbangkan karya mereka ke akhbar berkenaan.

Pihak penerbit percaya penerbitan Koleksi Cerpen Pilihan ini dapat meniup semangat/menyuntik para penulis tanah air ke arah menghasilkan karya yang bermutu dan secara langsung akan menjadi sumber penyelidikan bagi penyelidik-penyelidik sastera di masa akan datang.

Pihak penerbit, bagaimanapun, berhak untuk tidak memuatkan dalam koleksi ini mana-mana cerpen yang dirasakan tidak sesuai. Sekian.

PENERBIT

2017

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Hujan Emas Di Negeri Orang
Oleh: Maya Brunei

6

Cinta Recycle
Oleh: Maya Brunei

11

Jiwa Rasa Gelora
Oleh: Maya Brunei

16

Suri Hati
Oleh: Riani Rahman

22

Hujan Emas Di Negeri Orang



Oleh: **Maya Brunei**

KALAU bukan faktor umur atau keluarganya pasti Abdul Razis tidak akan pulang ke negeri tumpah darahnya, dia berazam akan terus tinggal di bumi bertuah Darussalam ini sampai mati. Bukan bererti Abdul Razis akan mengaut terus yang diperolehinya selama ini, tapi dia rasa bertuah dan berhutang kehidupan yang selama ini cukup-cukup makan dan keselesaan hidup keluarga yang ditinggalkannya di seberang sana.

Kurang dari seminggu lagi Abdul Razis terpaksa angkat kaki meninggalkan bekas-bekas jejak kakinya dan bekas tangannya yang hampir lima belas tahun mencurahkan keringat di bumi Brunei Darussalam sebagai tukang kebun sekali gus merangkap menjaga keselamatan dan kebersihan kawasan rumah majikannya.

Abdul Razis bekerja tidak menghitung kira dengan wang gaji yang diterimanya setiap bulan tanpa tangguh walau sehari daripada majikannya. Abdul Razis merasakan majikannya itu terlalu baik dan percaya kepadanya, kerana itu dia memberikan khidmat yang sempurna dan memuaskan hati majikannya itu.

Abdul Razis juga bersyukur dengan khidmatnya itu dia dapat menyara hidup keluarganya yang ramai termasuk anak-anaknya yang masih bersekolah. Lima belas tahun dalam perantauan dan mencari nafkah di negara orang, Abdul Razis merasakan belum lama rasa-rasanya dia belum terbalas budi majikannya selama ini yang mengutip dia di tepi jalan dengan cuma pakaian sehelai di badan dan sehelai dalam beg yang sudah lusuh.

Tidak akan terlupakan dalam benak Abdul Razis sampai dia mati atas kebaikan dan budi majikannya walaupun sudah dibayar dengan yang bernama gaji. Abdul Razis bersyukur kepada Allah yang menemukan dia dengan majikan yang baik hati dan bertimbang rasa itu.

Ada juga kawan-kawannya yang ingin membawa Abdul Razis mencari kerja lain umpamanya bekerja di kedai runcit, tukang jahit, potong rumput dan yang paling senang di restoran. Tapi Abdul Razis bukan orang yang senang digulagulkan walaupun sesama bangsa dan negaranya sendiri. Abdul Razis lebih arif dengan hati dan budi bangsanya sendiri.

Abdul Razis masih ingat ketika lima belas tahun dulu tidak ada seorang pun kawan-kawannya yang memberikan pertolongan walaupun sama-sama merantau untuk mencari sekepal rezeki dan membiarkan dia merayau untuk mencari pekerjaan sehingga dia terpaksa meneguk air paip di rumah orang.

Ada juga tuan rumah yang prihatin cuba memberikan air sejuk di dalam peti ais untuknya, tapi Abdul Razis menolak dengan alasan cukuplah dia tidak dihalau kerana meneguk air dari kepala paip tuan rumah itu. Itu sudah cukup bagi Abdul Razis hinggalah dia berjumpa dengan majikannya sekarang ini.

Abdul Razis bagaikan dihiris samurai apabila saat-saat genting dia akan meninggalkan Darussalam, bumi yang bertuah ini buat selama-lamanya dan akan memulakan hidup baharu bersama keluarganya di tanah airnya sendiri.

Jika Abdul Razis datang ke Brunei Darussalam lima belas tahun dulu dengan sehelai sepinggang maka dia pulang ke tanah airnya juga dengan sehelai baju dan seluar di badan. Abdul Razis tidak mahu bermegah-megah dengan keadaannya yang ada sekarang, dia khuatir akan menjadi tuntutan di tanah airnya nanti. Cukuplah dengan buah tangan ala kadar untuk keluarganya yang menunggunya sebagai pahlawan buat menyara hidup mereka walau tidak mewah, sederhana jadilah.

Namun dalam hati kecil Abdul Razis tidak akan melupakan Brunei Darussalam ini sampai mati dan bertekad akan datang lagi sebagai pelancong, kerana Brunei Darussalam inilah yang menyalakan sinar obor kehidupannya, tanpanya Abdul Razis tidak tahu apa akan jadi kepada keluarga yang ditinggalkannya lima belas tahun dulu, sedangkan hidupnya pun belum tahu bagaimana.

Awal pagi lagi Abdul Razis sudah berada di Lapangan Terbang Antarabangsa setelah bersiap-siap dan bersalaman dengan majikannya sebelum dia keluar dari rumah yang selama ini memberikan kesedaran baginya betapa perit hidup di perantauan walau ada banyak manisnya.

Terbayang-bayang wajah anak-anaknya menyambut kepulangannya walaupun kepulangannya itu terlalu berat, tapi demi keluarga yang harus didahulukan Abdul Razis terpaksa meninggalkan juga Brunei Darussalam yang mengangkat dirinya menjadi orang kaya kalau dia mahu. Wajah majikannya yang sangat baik itu juga tidak luput dari pandangannya terutama pada kali pertama dia meneguk air paip majikannya walaupun sampai saat dia hendak pergi Abdul Razis sudah minum air dalam peti sejuk atau lebih daripada itu.

Wajah anak-anaknya dan wajah majikannya serta keluarga majikannya bercampur aduk...Brunei Darussalam dan tanah tumpah darahnya juga saling tukar-bertukar dalam fikirannya. Dia teringat kata-kata akhir majikannya "... hujan batu di negeri orang, hujan emas di negeri sendiri..." Walaupun Abdul Razis tidak dapat memahami semua maksud yang tersirat dalam peribahasa itu, tapi dia mengerti apa yang dimaksudkan oleh majikannya itu.

Saat kata-kata itu diucapkan oleh majikannya air mata Abdul Razis terburai walau di mana saja, hingga saat dia duduk di ruang lapangan terbang itu ingatannya masih mengembara dan matanya sentiasa berair, Abdul Razis seolah-olah tidak mengenang budi majikannya yang memberikannya nafas selama ini.

Bak kata pepatah...ikan pulang ke lubuk, sirih pulang ke gagang dan pinang pulang ke tampuk. Setinggi mana bangau terbang akan hinggap di belakang kerbau jua. Itulah perjalanan Abdul Razis dan perjalanan itu akan berakhir sebentar lagi.

Abdul Razis bukan seorang yang mengambil kesempatan untuk mengaut kesuburan bumi Brunei Darussalam ini dan akan diterbangkannya ke negara tumpah darahnya untuk dikecapi oleh anak-anak dan isterinya serta cucu-cicitnya di kemudian hari dalam sebuah rumah mewah.

Jauh dari semua itu walaupun Abdul Razis mampu membina rumah macam istana, tapi dia tidak mahu semua itu malah dia lebih suka hidup yang sederhana dan rumah yang sekadar boleh berteduh bersama keluarganya, kerana untuk mendapatkan sekeping wang kertas walau cuma seringggit Abdul Razis terpaksa menitiskan peluh agar apa yang diperolehinya itu benar-benar diredai Allah.

Itulah Abdul Razis yang mengimbangi hidupnya lima belas tahun dulu dengan sekarang, walaupun ada suara-suara sumbang yang mengibaratkan mereka seperti bangau, kalau pun betul biarkan mereka seperti itu asalkan dia tidak.

Itulah pendirian Abdul Razis yang menumpang rezeki di bumi orang, biar sedar diri bahawa satu masa nanti dia akan pulang juga ke tanah air sendiri. Namun apa yang dikatakannya itu terjadi sekarang, Brunei Darussalam cuma menerimanya ala kadar bersesuaian dengan umurnya masa ini.

Abdul Razis merasakan terlalu lama dia menunggu di ruang *boarding pass* itu. Spontan dengan matanya yang pejam celik itu dia melihat jam yang tertera di *handphonenya* yang hampir-hampir terjatuh. Abdul Razis terlelap ketika asyik menikmati sisa-sisa perjuangan hidupnya yang pasti tidak akan berulang lagi. Tepat panahan matanya ke angka 11.25 pagi sedangkan *flightnya* berlepas jam 10.40 pagi.

Seram sejuk sebatang tubuh berkulit hitam mathlik dalam suhu yang sedia sejuk itu. Abdul Razis bingkas untuk berurusan sesuatu setelah menyedari apa yang berlaku, tapi sudah terlambat. Akibat dari golongan fikirannya yang berserabut ketika itu memaksakan Abdul Razis tinggal di Brunei Darussalam sehari lagi kerana ketinggalan kapal terbang.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 2 Januari 2017

Cinta Recycle



Oleh: Maya Brunei

BUKAN senang hendak menyembuhkan hati yang luka, terluka apa lagi dilukai, tidak semudah ungkapan ‘patah tumbuh hilang berganti’ itu cuma sebuah lagu untuk hiburan yang sekali gus menasihatkan kita agar jangan berputus asa dan berasa kecewa.

Hampir tiga abad pintu hati Jasmina tertutup rapat walaupun anak kuncinya masih dalam genggamannya dan bila-bila akan dibukanya untuk seseorang yang benar-benar layak dijadikan pengganti.

Ramai di kalangan anak-anak muda seangkatan dengannya dan juga dada-duda cuba mengatilnya dengan pelbagai gaya dan stail masing-masing, untuk menambat hati gadis yang bernama Jasmina yang ketika itu baru putus cinta dengan aduka yang tidak tahu menilai mana yang disebut budi dan jasa serta mana intan dan yang mana kaca.

Tidak kurang juga dengan longgokan lelaki-lelaki tua yang tidak sedar diri yang sudah menerima pencen tua bertahun-tahun tapi masih ada hati terhadap Jasmina. Jasmina lebih daripada faham kebanyakan mereka itu ada pasangan hidup masing-masing dan belum tentu mampu menyara hidupnya yang ketika itu berusia empat puluhan, sedangkan untuk menemani isteri mereka masing-masing pun macam tidak larat.

Jasmina bukan bekas tunangan orang apa lagi bekas isteri orang, Jasmina masih anak dara dan belum kurang satu apapun, tapi mengapa mereka itu menganggap Jasmina macam barangan yang tidak punya nilai dan harga. Berebut-rebut untuk mendapatkannya macam barangan lelong.

Ibarat air ada pasang dan ada surutnya jika Jasmina tidak pandai berenang untuk menyelamatkan diri sudah lama dia hanyut dan lemas dibawa arus godaan demi godaan yang beraneka rupa dan gaya serta warna-warna hidup yang boleh saja membuatkan Jasmina ayung terus tumbang pada bila-bila masa saja.

Tetapi Jasmina begitu kuat melawan hawa nafsu penggoda yang cuma main suka-suka mengiklankan simpati terhadap Jasmina yang ditinggalkan oleh adukanya itu. Allah masih menyayangi Jasmina dan tidak membiarkan dia masuk perangkap manusia yang pepat di luar dan rencong di dalam itu.

Itu cerita 27 tahun lepas setelah Jasmina keseorangan kerana putus cinta.

Tiga tahun kebelakangan ini barulah Jasmina merasakan jiwanya tenang, setelah sekian lama dalam kegelisahan dan kemurungan. Jasmina berjaya mencapai kemenangan dalam perjuangannya mematahkan serangan hendap ataupun serangan berani mati daripada orang-orang yang cuma ingin meratah daging dan tulangnya hidup-hidup.

Kini Jasmina sudah merdeka tidak perlu lagi waswas tentang keselamatannya. Ke mana sahaja dia pergi tidak ada lagi mata yang melirik benci dan tidak ada lagi senyum sinis yang menyakitkan.

Esok hari lahir Jasmina yang Ke-50 tahun, Jasmina sudah boleh menarik nafas panjang dan lega, fikirannya lapang kebahagiaan benar-benar dapat dirasakannya di waktu berusia 50 tahun itu walaupun masih keseorangan. Hatinya berbisik lucu apakah setiap orang itu cuma akan menikmati ketenangan jiwa setelah mencapai usia 50 tahun...?

Pemuda-pemuda yang sebaya dengannya dahulu sudahpun mempunyai isteri dan anak masing-masing, malah ada di antara mereka telah pun menimang cucu. Dan lelaki-lelaki tua yang ada hati terhadapnya dahulu itupun sudah meninggal dunia.

Jasmina senyum sendirian apabila mengenangkan kisah-kisah masa silamnya itu.

“Mina...,” halus suara itu. Hamimah memegang tangan Jasmina. Jasmina membiarkannya kerana Jasmina lebih arif tentang perasaan wanita daripada Hamimah sendiri.

Belum sempat Jasmina bertanya sesuatu kepada Hamimah, Hamimah terlebih dahulu bersuara lagi.

“Aku minta maaf padamu, Mina...,” Jasmina sudah mengagak hajat kawan sekampungnya itu. Jasmina selamba saja dan membiarkan Hamimah bercakap, kerana sudah dirasakannya begitu lama mereka tidak bertegur sapa lantaran suami Hamimah termasuk dalam golongan orang-orang yang gatal ingin memiliki Jasmina.

“Tidak ada apa yang hendak aku maafkan, Mimah...,” pendek jawapan Jasmina. Dia tahu untuk apa diperdebatkan lagi sesuatu yang telah berlalu, walaupun suami Hamimah beria-ia hendak memiliki dirinya dan kerana itu Hamimah menganggap Jasmina adalah musuh nombor satu dalam hidupnya.

“Aku belum ada niat hendak merampas siapa-siapa, Mimah...,” penuh makna walau nadanya memerangkap simpati. Hamimah tunjil kena kiasan Jasmina.

“Katalah apa yang hendak kau katakan, Mina...,” Hamimah.

“Apa lagi suami orang, hinggalah aku jadi anak dara tua sekarang ini, belum terlintas lagi siapa-siapa dalam hidupku.” Padat hujah Jasmina. Hamimah diam.

Menandai fitnah dan tohmahan beberapa saat sahaja sudah menggoncangkan sebuah dunia, apa lagi selama lebih dua dekad satu masa yang terlalu lama. Itulah Jasmina dengan kekuatan imannya hingga berusia 50 tahun masih berjaya mempertahankan kesucian cintanya.

“Aku harap kau akan dapat mengampunkan dosa-dosa arwah suamiku padamu, Mina...,” Hamimah begitu lembut dan bersopan memohon keampunan kepada Jasmina bagi pihak suaminya, tidak sekasar ketika dia meminta supaya Jasmina jangan mengganggu suaminya 27 tahun sebelum ini.

Itulah cebisan perjalanan hidup Jasmina dengan pelbagai onak dan durinya dalam menempuh penghujung usianya yang cuma tinggal sekubit jika disukat timbang dengan usianya yang telah berlalu dan tidak memberikan apa-apa kecuali kedukaan dan kehampaan.

Di awal pagi seperti biasa mempersiapkan dirinya untuk menjalankan tugas yang diamanahkan, Jasmina diketuk oleh deringan WhatsApp yang jarang diterimanya selain dari waktu kecemasan. Selamba *mobile* itu dicapainya, bola matanya tajam menikam kata-kata di skrin *mobilenya* itu dengan tanda tanya siapa penghantarnya.

“Selamat ulang tahun Ke-50 Jas...!”

Itu saja yang sempat dibaca oleh Jasmina, badannya mulai seram sejuk darah gemuruhnya menggeleggak melebihi garisan amaran. Jasmina tidak sanggup menatapnya, badannya mulai lemah dan jantungnya berdegup kencang. Jasmina duduk memberi ruang supaya tekanan darahnya tidak naik melambung.

“Tidak puaskah kau mengganggu aku selama ini Farid...?” “Maafkan aku, Jas...,” ringan ungkapan Farid.

“Bagi aku semua itu sudah berkubur...jangan kau tambah lagi apa yang kutanggung selama ini...!” Lantak mati Jasmina.

Farid adalah aduka idaman Jasmina, juga Jasmina adalah dara pilihan Farid.

Kiranya jodoh mereka belum ditakdirkan Allah untuk mereka menjadi suami isteri, makanya percintaan mereka terkandas disebabkan fitnah dan tohmahan liar hingga mereka salah-menyalahkan antara satu sama lain.

“Aku masih bersama dengan cintaku seperti dulu dan aku ingin menyerahkannya kembali padamu, Jas...,” bab memajal.

“Aku sudah tidak punya cinta lagi, Farid...semua sudah ku kuburkan yang tinggal cuma jasad tanpa nyawa.” Jasmina tidak berselindung.

“Belum terlambat untuk kita menjalin semula cinta kita.” Farid kakal mengagut.

“Di usia kita sekarang ini cuma untuk amal ibadat, bukan menghadap cinta yang sudah tidak bermakna itu lagi...!” Jasmina juga apa kurangnya dengan pengarasinya.

“Kita masih punya waktu untuk semua itu, Jas...,” Farid macam tahu semuanya.

Jasmina punya pilihan mahu atau tidak, Farid datang membawa kebenaran wajarkan Jasmina menolak kebenaran itu setelah mengetahui pokok pangkal sebenarnya. Keras hati Jasmina tidak dapat dilentur dengan kata-kata walaupun kebenaran itu tunjal di hadapan matanya.

Farid gagal memujuk puteri yang keras hati itu untuk dijadikannya permaisuri.

Namun Farid tidak kenal erti putus asa dia masih punya harapan dan yakin satu masa nanti cinta mereka akan dapat di-*recycle* hingga mereka mendarat di pelamin walaupun dalam usia yang hampir senja. Moga cinta uda dan dara senja ini akan berhasil di-*recycle*.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 10 April 2017

Jiwa Rasa Gelora

Oleh: Maya Brunei



SEJAK adik masuk ke alam remaja dan mempunyai perasaan yang bermakna sekali gus berharga bagi seorang wanita, adik sudah merasakan sesuatu yang dia sendiri belum mengerti apakah itu semestinya ada dalam diri seorang wanita yang baru meningkat dewasa.

Budak perempuan yang berusia empat tahun itu menangis sambil mendapatkan ibunya yang sedang mencangkul di belakang rumahnya petang itu, si ibu melepaskan cangkul di tangannya lantas mendapatkan budak perempuan yang sedang menangis itu dengan perasaan yang sedikit gundah, walaupun tangisan budak itu cuma sebuah tangisan manja yang biasa didengarnya.

Ibu memeluk budak perempuan itu dengan kasih sayang sambil menggosok-gosok rambutnya yang basah kerana peluh itu dan saja-saja bertanya guna menambat hati budak perempuan berusia empat tahun itu.

“Abang kacau adik,” budak perempuan itu menagih simpati ibunya agar mendapat pembelaan atas apa yang dilakukan abangnya ketika itu.

Budak perempuan itu ada abang berumur kira-kira enam tahun. Memang abangnya ini sering mengusik adik yang tidak pernah melawan walau dengan pelbagai ejekan pun, adik cuma menangis manja dan membuat laporan dengan segera kepada ibu ataupun ayah mereka.

Ayah dan ibu mereka pula senada tidak kurang-kurangnya menasihati abang supaya tidak mengusik dan mengganggu adik dengan mengatakan abang akan menjadi pembela adik ketika dewasa nanti setelah ayah dan ibu tiada.

Namun fikiran budak-budak yang berusia enam tahun dan empat tahun itu tidak meninggalkan kesan apa-apa dan belum faham manatah lagi untuk mengerti apa yang dikatakan oleh kedua orang tua mereka.

“Adik,” ibu memanggil adik dari dapur.

Terburailah kenangan adik yang ketika itu leka mengembara ke waktu silam mereka 15 tahun yang lalu. Adik berasakan begitu cepat kembali ke waktu lepas yang cuma beberapa saat baru ditontonnya. Adik senyum sepuas-puasnya kerana mengenangkan telatah mereka dua beradik semasa mereka kecil dahulu.

Terkini budak perempuan bernama adik itu sudah cukup dewasa dan sekarang berumur 19 tahun, manakala abangnya pula berumur 21 tahun. Mereka sudah tidak bergaduh lagi ataupun usik-mengusik, cuma sesekali abangnya mengusik adik yang merupakan sebagai kebiasaan ataupun tabiat.

Adik dan abang sudah berjaya dalam pengajian mereka walau tidak tinggi apa, tapi memadai dan bersyukur kerana mendapat tempat di sisi masyarakat dan berasa terhutang kepada kedua ibu bapa mereka yang telah mendidik mereka hingga berjaya seperti sekarang. Adik menjadi seorang jururawat dan abang pula menjadi seorang pendidik.

“Adik,” buat kedua kalinya ibunya memanggil. Bergegas adik meluru mendapatkan ibunya yang sedari tadi menunggu kedatangannya. Adik senyum-senyum yang pastinya ada makna buat ibunya agar tidak berleter atas kelambatannya datang setelah dipanggil oleh ibunya beberapa kali.

“Adik buat apa sampai tidak mendengar ibu panggil?”

“Adik kemas barang-barang abang bu,” adik mencipta alasan yang munasabah walau tidak betul.

“Sejak bila adik kemas barang-barang abang ni?” Ibu kurang yakin tapi bangga.

“Semalam abang suruh adik kemas...”

“Adik rajin sangat ni, mengapa...?”

Setakat itu adik diam, dia tidak mahu meneruskan kebohongannya walau perkara itu kecil tapi kesannya juga sama. Berkata bohong itu adalah dosa apa lagi kepada ibunya sendiri.

Ibu sedikit sebanyak memahami perubahan anak daranya itu, jelas adik sudah ada bibit-bibit ingin melaksanakan tugas dan tanggungjawab seorang adik terhadap abangnya walaupun abangnya sering mengusiknya dari kecil hingga dewasa.

Dalam usia remaja 19 tahun yang penuh dengan gelora itu adik seolahnya tidak mahu berpisah dengan abangnya dan akan terasa kesunyian tanpa abang.

Adik akan tertanya-tanya, di mana abangnya jika tidak dilihatnya walau cuma sehari.

Apakah ini satu bayangan bibit-bibit cinta kepada abang sendiri...? Barang dijauhkan Allah...!

Suatu ketika adik tidak bertugas di waktu siang dan membuat kerja-kerja dapur membantu ibunya.

“Abang tu lawa kan, bu...?” Bersahaja adik memuji abangnya.

“Memanglah lawa macam babah adik juga dulu,” sahut ibunya sekadar ucapan kosong, tapi berisi bagi adik.

“Bertuahlah siapa yang dapat memiliki abang bu,” adik bersahaja dan ini bukan saja-saja bersahaja.

“Kenapa adik kata macam tu...?” Ibunya sudah mulai menangkap makna kata-kata adik yang pada mulanya dianggapnya cuma ala kadar cakap biasa-biasa itu.

Adik diam tidak menyahut pertanyaan ibunya itu malah menundukkan kepalanya semacam malu-malu kucing.

“Adik suka pada abangkah?” Ibunya melirik adik.

Tanpa berkata apa-apa adik meluru meninggalkan ibunya yang sudah terlanjur kata itu, terlajak perahu boleh diundur tapi terlanjur kata, bagaimana...?

Dalam bilik adik menangis dan berasa kesal mengapa dia dilahirkan sebagai adik kepada abang. Adik cuba beristighfar agar dijauhkan daripada godaan iblis laknatullah.

Adik-beradik mana boleh jatuh hati apa lagi sekali gus cinta, namun jiwanya semakin bergelora dan wajah abangnya segera terpacak di bingkai ingatannya.

Ibunya masuk lalu mendapatkan adik yang dalam kekusutan itu. Ibunya sempat melihat bekas deraian air mata adik dan faham setiap jiwa remaja seperti adik memang sudah selayaknya diresapi perasaan cinta seperti juga remaja-remaja yang lain. Tetapi mengapa mestinya kepada abang kandung sendiri...?

“Adik betul-betul sukakan abang...?”

Selamba ibunya bertanya bagaikan sesuatu yang lumrah.

“Mengapa ibu kata macam itu...?”

“Kalau adik memang suka pada abang, ibu dan ayah boleh kawinkan adik dengan abang,” macam mudah melanggar hukum hakam yang ditentukan oleh agama Islam yang maha suci itu.

“Mana boleh bu!” Adik seakan berada di awang-awangan.

“Memang adik-beradik tidak boleh kawin, tapi! Sampuk suara muncul dari muka pintu yang tadinya masih terbuka itu.

Adik belum dapat menebak apa maksud kedua orang tuanya, adik berlari meninggalkan mereka berdua dengan pelbagai soalan dan persoalan.

“Maafkan saya bang, saya terlanjur tadi,” ibu semacam kesal tapi sebenarnya tidak kesal, kerana waktu macam itulah yang sering ibu tunggu-tunggukan.

“Apa nak dikata semuanya sudah telanjur, mungkin sampai di sini amanah Allah kepada kita, sebelum apa-apa yang tidak diinginkan berlaku,” ayah tidak menampakkan reaksi apa-apa.

Mereka berdua sudah tidak terdaya memikul beban yang berat itu dengan lebih lama lagi, inilah masa dan ketikanya mereka tampil berkata benar dan membenarkan yang tersembunyi yang selama ini sepatutnya tidak benar.

Ketika makan malam.

Mereka berempat beranak berkumpul kebetulan malam itu adik tidak bertugas. Tapi tidak seceria seperti malam-malam yang lain sentiasa diiringi dengan senda gurau kedua adik-beradik abang dan adik.

Adik pula sering melirik abang dengan lirik yang ada makna. Abang buat tidak tahu walaupun lirik mata adik begitu tajam hingga menutup selernya hendak makan malam itu.

“Adik!” Keras sedikit suara abang.

Adik terkejut walaupun panggilan begitu lumrah didengarnya, tapi pada malam itu bagaikan satu amaran supaya jangan pandang abang macam itu. Adik tunduk kerana malu.

Ayah memberikan surat beranak kepada adik. Adik mengamat-amati surat beranak itu. Safira binti Ahmad sama bin dengan abangnya Syamsul bin Ahmad.

“Adik dan abang bukannya adik-beradik kandung, ayah adik yang sebenar kebetulan sama dengan nama ayah,” lembut si ayah memberikan penjelasan.

“Adik sebenarnya anak kamanakan ayah, emak adik meninggal setelah adik dilahirkan, dia kakak kandung ayah.”

Suasana ketika itu sunyi sepi. Kemudian ayah menyambung.

“Beberapa bulan kemudian ayah adik pula yang meninggal akibat serangan jantung.” Adik tidak sanggup mendengar lama-lama walau ia adalah satu cerita asli yang tidak boleh ditapak-tapuki.

Dengan perasaan berkecamuk dan setelah menyedari selama ini dia cuma anak angkat kepada dua insan yang dipanggilnya ayah dan ibu, juga adik-beradik angkat pada orang yang disebutnya abang itu, adik berasa dirinya derhaka terhadap kedua orang tuanya yang sebenar kerana tidak pernah memberikan apa-apa walau sepetah doa.

Sejak hari itu adik berasa malu dan cuba menjauhkan diri daripada keluarganya. Tetapi ke manapun adik menjauhkan dirinya, namun jiwanya akan tetap bergelora.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 10 Julai 2017



Suri Hati

Oleh: Riani Rahman

NAMAKU Suri. Aku tiada pekerjaan tetap. Setiap hari aku akan menulis, menulis dan menulis. Aku tidak berpelajaran tinggi. Hanya setakat Tingkatan 5. Namun aku tetap bersyukur. Allah bagi aku rezeki. Sehingga usia 43 tahun ini, alhamdulillah aku masih boleh makan nasi dan lauk-pauk.

Aku juga tidak memiliki wajah yang cantik. Di pipiku terdapat tanda lahir berwarna hitam dan berambut. Kata teman-teman tidak akan ada orang yang hendakkan aku. Tidak apa. Aku reda. Aku tetap bersyukur Allah jadikan aku cukup sifat dan akal yang sihat untuk menentukan mana yang baik dan buruk yakni tidak bodoh.

Kenapa aku tidak bekerja? Tentu ada orang yang ingin tahu. Jawapnya, belum ada rezeki. Bukan aku seorang yang memilih, namun itulah kebenarannya. *Cheers!* Pandangan Shasha tertumpu pada ayat akhir. *Cheers!*

“Mun aku dalam keadaan si Suri ni, antah macam mana nasibku? Nada karaja? Fuh, indaku mampu kan sanyum manjang eh,” sungut Shasha.

Tiga bulan lalu, Shasha diberi notis pengurangan pekerja di tempatnya bertugas. Hampir 300 pekerja telah kehilangan mata pencarian. Masing-masing terkedu, terpukek bahkan ada yang merasakan sesak nafas.

Demikian juga Shasha. Dia baru sahaja membuat pinjaman bank untuk membeli sebuah kereta dengan bayaran ansuran empat ratus ringgit sebulan.

“Apa yang mastiku buat ni?” Shasha mulai buntu. Sudah banyak kali dia melayari internet mencari kerja-kerja kosong. Bahkan dia jua mencari rujukan cara-cara berniaga *online* dan sebagainya, sehinggalah dia menemukan satu blog SURI HATI. Catatan harian seorang yang menamakan dirinya ‘Suri’.

Mula-mula Shasha tidak menggemarinya malah meluat membacanya. Namun lama-kelamaan, dia menjadi peminat tegar.

Suri bukan sahaja memberi motivasi, tapi dia juga mengongsikan pengalamannya yang boleh dijadikan panduan.

Bahkan Shasha bertekad ingin seperti Suri. Siapa sangka, hanya melalui alam maya, *followers* Suri telah mencecah ribuan orang.

“Aku masti bajumpa si Suri ani. Masti,” tekad Shasha.

“Apa ucapanmu atu Sha? Siapakan Si Suri ani?” tanya ibunya. Ketika itu Shasha sedang duduk bersebang dengan ibunya.

“Kadia ani ma, panulis. Inda bakaraja. Manulis atutah sumbar pendapatannya. Bausin ma. Banyak orang disponsornya untuk mulakan bisnis.”

“Ooh. Kan minta sponsortah kau jua tu?.”

“Niat asal bukan pulang sponsor, tapi kan minta pendapat macam manakan mulakan kahidupan baru sabagai panganggur tarhormat ani.”

“Eh au eh, baiktah *move on*, tiga bulan sudah. SURI pulang jua sudah kau atu, ganya bukan suri hati, tapi suri rumah tangga. Heheheh.”

“Ishh mama ani, sampai hati eh. Au parlitah saja nah,” rungut Shasha.

“Liat tah nanti, aku kan mancapai kajayaan macam Si Suri atu jua. InsyaaAllah,” tuturnya lagi.

“Amin ... bah mama kan maliat drama Suri Hati Mr. Pilot dulu ah. *Bye-bye* suri dot ... dot ... dot ...”

“Shasha ambil jurusan apa?,” tanya Suri.

“Sains Sosial.”

“Tulislah manganai kasihatan, sambil baniaga kita baamal,” nasihat Suri.

Berbekalkan semangat dan keyakinan diri serta dorongan Suri akhirnya dalam tempoh dua bulan aku berjaya menyiapkan blog itu.

Alhamdulillah memang berbaloi. Sementara menantikan pekerjaan tetap, inilah mata pencarianku. Aku jual ilmu pengetahuan. Berniaga sambil beramal.

‘Blog Sihat Cara Shasha’ telah tarik banyak pembaca dan jana pendapatan. Alhamdulillah.

Syukur pada Yang Maha Kuasa. Benar kata Suri, apa-apapun kita harus sentiasa mensyukuri nikmat yang Allah Subhanahu Wata’ala berikan. Aku hanya mengenakan bayaran BND10 bagi setiap orang yang ingin berkongsi ilmu. Biar pun sedikit, tetapi mampu membeli beras dan lauk-pauk buat ibuku. Kini aku sudah reda kerana diberhentikan kerja. Setiap sesuatu sudah pasti ada hikmahnya.

‘Nama aku Shasha, beberapa tahun lalu, aku malu untuk berdepan dengan orang ramai. Kenapa? Sebab aku gemuk.

Wajahku tidak sebaya dengan usiaku. Tapi itu dulu. Sekarang aku, aku sudah boleh pakai baju *size* ‘S’. Ingin tahu rahsianya? Hubungi Shasha segera. *Cheers!*’

Aku segera mematikan komputer riba sejeurus menamatkan ayat-ayat itu. Aku tersenyum. Aku merehatkan badan dan minda kerana insyaaAllah esok ada tugas menanti. Terima kasih Allah, Engkau adalah SURI HATIKU.

Sepanjang karier baharuku sebagai penulis, aku tidak pernah menemui Suri secara langsung. Kami hanya berhubung melalui dalam talian. Ingin sekali aku bersemuka dengan wanita itu. Semoga impianku tercapai. *Cheers!*

Tiba-tiba aku menulis sedemikian.

Jika Allah berkehendak, tiada siapa dapat menolak. Jika tiada daya dan usaha,

tiada pula rezeki datang menimpa. Hanya kepada Allah kita meminta. *Cheers!*

Shasha tersenyum. Kata-kata itu menyentuh hatinya. Sejak kebelakangan ini, kata-kata Suri di laman blognya sangat menginspirasi sesiapa jua yang membacanya termasuk Shasha.

“Sha, kanapa sanyum-sanyum ni? Sudah jadi jutawankah?,” ibunya menegur.

“Aminnnn! Tarima kasih mama,” kata Shasha sambil ketawa riang.

“Kata itu doa,” tambahnya.

“Amin,” balas ibunya.

“Ani ma, Shasha mula curiga siapa Si Suri ani?.”

“Curiga?”

“Au bah curiga. Jangan-jangan laki-laki Si Suri ani. Bukan bini-bini.”

“Astah, inda kau tanyakan kan?”

“Bah, mun sudah SURI bagi Shasha bini-binitah sudah tu.”

“Mun miatu, bini-binitah. Jangantah curiga. Badusa saja.” Ibunya segera berlalu meninggalkan Shasha bersendirian.

“Apa banar ah, laki atau bini?” bisik Shasha.

Esoknya Shasha nekad, dia ingin bertemu langsung dengan Si Suri. Idola hidup Shasha selama ini. Sosok (?) yang banyak membantunya.

“Untuk apa Sha?.”

“Sha ingin mengenali Suri.”

“Astah batak jua sudah kitani ani kanal.”

“Kan maliat mua Suri bah.”

“Hahaha, sudah jua Suri ceritakan dalam blog, batampang bah eh.”

“Sabagai hamba Allah inda ada yang sampurna Suri. Jangantah malu. Sama jua kitani ani bini-bini,” jelas Shasha.

“Er ...”

“Kanapa Suri.”

“Sabanarnya, Suri bukan bini-bini. Nama penuh Suri ialah Surizam Ahmad.”

“Nah, sap nyangku. Lurus bah kacurigaanku atu.”

“Au. Banaitah tu.”

“*Now*, siapa yang SURI HATI ani? Shashakah Suri?”

“Hahahaha.”

Akhirnya kedua-duanya ketawa. Sejak hari itu hubungan kedua adam dan hawa terjalin erat sehingga ke jinjang pelamin.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 7 Ogos 2017